

Azab seksa bagi golongan kufur

Oleh DR. ZULKIFLI MOHAMAD ALBAKRI

FIRMAN Allah SWT yang bermaksud: *Sesungguhnya orang-orang yang kufur ingkar akan ayat-ayat keterangan Allah dan membunuh nabi-nabi dengan jalan yang tidak benar, serta membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil maka sampaikanlah berita yang menggembirakan mereka, dengan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.* (ali-Imran: 21)

Al-Maraghi berkata: "Pada ayat-ayat yang lalu, diterangkan hakikat agama yang diterima oleh Allah SWT dan agama itu ialah agama yang menyuruh menyerah kepada Allah SWT semata-mata.

"Disebut bahawa sikap Ahli Kitab yang menentang agama ini timbul semata-mata kerana kebencian setelah datang ilmu kepada mereka. Kemudian disebut pula bantahan Ahli Kitab dan seluruh kaum musyrik Arab terhadap Nabi SAW.

"Kemudian disusuli pula dengan keterangan bahawa mereka yang lari daripada kebenaran, sedikitpun tidak membahayakan baginda dan kewajiban baginda hanyalah menyampaikan ajaran Allah SWT".

Perbincangan selanjutnya menyentuh secara khusus tentang orang Yahudi dan mencela sebahagian orang yang hidup pada masa itu kerana perbuatan yang dilakukan oleh nenek moyang mereka dahulu.

Akibat perbuatan umat terdahulu, generasi berikutnya terpaksa bertanggungjawab terhadap perbuatan generasi sebelum mereka laksana

Tafsir Al-Quran & Asbabun Nuzul

seorang yang mempunyai tanggungjawab di atas perbuatannya yang lalu. Hal yang seumpama ini dibicarakan dalam surah al-Baqarah.

Sebab Nuzul

Abu al-Abbas al-Mubarrad berkata: "Manusia di kalangan Bani Israel datang kepada Nabi mereka yang menyeru kepada Allah SWT lantas mereka membunuh. Kemudian bangkit sekumpulan selepas daripada mereka dan memerintahkan supaya mengikut ajaran Islam kemudian mereka dibunuh lantas turunnya ayat ini.

Mengikut riwayat Ma'qal bin Abi Miskin di kalangan Nabi-Nabi yang datang kepada Bani Israel tanpa kitab lantas mereka dibunuh. Kemudian bangkit satu kaum yang mengikut para Nabi dan menyeru supaya melakukan keadilan dan saksama kemudian mereka juga dibunuh.

Iktibar dan fiqh ayat:

i. Ibn Jarir meriwayatkan daripada Abu Ubaydah al-Jarah, katanya: Aku bertanya, wahai Rasulullah SAW! Siapakah mereka yang dikenankan azab yang paling pedih pada hari kiamat? Jawabnya: Orang yang membunuh Nabi atau menyuruh melakukan kemungkaran dan melarang mengerjakan kebaikan. Kemudian baginda membaca ayat ini seraya bersabda: "Wahai Ubaydah! Bani Israel telah membunuh 43 orang Nabi pada pagi hari dalam satu masa". Lalu bangunlah hamba-hamba lelaki Bani Israel dalam lingkungan 170 orang.

Mereka kemudiannya disuruh membunuh orang yang mengerjakan kebaikan daripada mencegah kemungkaran. Mereka semua dibunuh pada waktu petang pada hari yang sama.

ii. Al-Qurtubi berkata: "Ayat ini menunjukkan bahawa pelaksanaan amar makruf dan nahi mungkar merupakan kewajiban bagi umat yang terdahulu yang merupakan faedah kerasulan dan pengganti kenabian.

Beliau menambah Allah SWT menjadikan amar makruf dan nahi mungkar sebagai membezakan golongan beriman dan munafik.

iii. Al-Maraghi berkata: "Perhatikanlah perbezaan yang terdapat antara dakwah Nabi kepada bangsa Arab yang menyebarkan berhalal dan yang telah sebat dalam diri mereka, yang berhasil mengubah mereka dalam masa yang sangat singkat dengan dakwah ahli falsafah Yunani kepada bangsanya untuk mengesakan Allah SWT.

"Mereka lemah untuk melakukan dakwah seperti Nabi itu atau mendekati dakwahnya, sebab dalam masa yang begitu panjang hanya sedikit sahaja yang mahu menerima, itupun daripada murid-murid ahli falsafah itu sendiri.

"Rahsia perbezaan ini ialah kerana dakwah Nabi Allah SWT dikuatkan dengan roh dari sisi-Nya, serta disajikan dengan pelbagai cara, sesuai dengan orang yang menjadi lawan bicara".

iv. Ayat di atas menyebut tiga jenis dosa besar, masing-masing secara berdiri sendiri diancam dengan seksa yang pedih. Pertama, mengingkari ayat-ayat Allah SWT, baik dengan tidak mengakui kitab suci yang diturunkan kepada para Nabi, mahupun ayat-ayat yang berupa tanda dan bukti-bukti yang terbentang dengan sangat jelas di alam raya.

Kedua, membunuh nabi-nabi. Kononnya orang-orang Yahudi

membunuh 43 orang Nabi, demikian disebutkan dalam tafsir al-Jalalain. Namun yang jelas, yang telah mereka bunuh adalah Nabi Zakaria dan Yahya a.s serta mereka usahakan untuk membunuhnya adalah Nabi Isa a.s dan juga Nabi Muhammad SAW.

v. Hamka berkata: "Membunuh orang-orang yang menyeru manusia supaya berlaku adil ialah ahli-ahli fakir yang berani menyatakan kebenaran, menyebut yang teras, menunjukkan jalan yang adil dan membawa perubahan-perubahan berfikir kepada masyarakat, meskipun mereka bukan Nabi, sebagai Socrates dalam dunia falsafah yang juga mati dihukum bunuh oleh penguasa Yunani dengan tuduhan merosak fikiran anak-anak muda dan meremehkan agama pusaka nenek moyang mereka.

"Begitu juga yang mereka lakukan kepada orang yang memperjuangkan keadilan dengan membunuh mereka kerana menghalang usaha perubahan ke arah kemajuan dengan cara mereka".

vi. Muhammad Quraish Shihab berkata: "Kata basysyir diambil daripada kata basyarah yang bererti kulit. Biasanya berita yang penting kesannya nampak pada kulit (air) muka. Dari sini kata tersebut biasa digunakan dalam erti "beritakan" dan kerana berita gembira seringkali lebih mudah tampak pada air muka dan tidak segan untuk ditutupi.

"Dalam ayat ini, kata tersebut dipilih sebagai ejekan kepada mereka. Nabi SAW diperintahkan untuk menyampaikan berita yang nampaknya pada air muka mereka yakni bahawa mereka dinanti oleh seksa yang pedih".

Jelas terbukti bahawa golongan yang memusuhi Islam dan melakukan kerosakan di muka bumi sudah pasti menerima azab yang pedih. Semoga kita menjadi orang yang beriman. Amin.